# Penguasaan penulisan karangan bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu melalui penggunaan imitasi

ABSTRAK

Kertas konsep ini bertujuan untuk menjelaskan penguasaan penulisan karangan bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu melalui penggunaan imitasi. Kemahiran berbahasa secara umumnya terbahagi kepada empat bahagian iaitu, kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Penguasaan kemahiran menulis dalam bahasa kedua merupakan isu yang perlu diberi perhatian kerana kemahiran menulis merupakan satu kemahiran yang kompleks dan melibatkan integrasi pelbagai kemahiran (Mohd Uzaini & Muhammad Azhar, 2017). Turut dibincangkan di dalam kertas konsep ini ialah penggunaan imitasi bagi membantu pelajar Melayu menulis karangan dengan mudah. Imitasi adalah suatu proses kognitif untuk melakukan tindakan meniru atau menyalin gaya orang lain, tidak kira dari segi sikap, percakapan, penampilan serta apa jua tindakan dengan melibatkan pancaindera sebagai penerima rangsangan. Penulisan ini diharapkan dapat membantu para guru bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan membantu pelajar meningkatkan pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Arab.

**Kata kunci:** Kemahiran menulis; Penulisan karangan; Pelajar Melayu; Penggunaan imitasi